



**LAPORAN PEMANTAUAN
HIDUPAN LIAR DI
KOMPLEKS PERKAYUAN
DUNGUN (DTC) DAN
KONSESI HUTAN CHERUL
(CFC)**

2024


LAPORAN PEMANTAUAN HIDUPAN LIAR DI KOMPLEKS PERKAYUAN DUNGUN (DTC) DAN KONSESI HUTAN CHERUL (CFC) TAHUN 2024

1. PENGENALAN


Pemantauan hidupan liar merupakan komponen penting dalam pemeliharaan biodiversiti dan keperluan pematuhan terhadap piawaian pengurusan hutan secara lestari. Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti impak aktiviti pembalakan terhadap populasi hidupan liar serta menilai keberkesanan langkah-langkah mitigasi yang telah dan akan dilaksanakan.

2. MAKLUMAT KAWASAN

KOMPLEKS PERKAYUAN DUNGUN (DTC)



KONSESI HUTAN CHERUL (CFC)



3. KAEDEAH PEMANTAUAN

- a. **Pengesan Tanda Kehadiran (Sign Survey / Indirect Observation)** - Kaedah ini menggunakan tanda-tanda tidak langsung seperti najis, tapak kaki, cakaran, sarang, atau sisa makanan sebagai bukti kehadiran haiwan.
- b. **Temubual dan Survei Penduduk / Pekerja (Key Informant Interview)** - Kaedah ini melibatkan soal selidik atau temubual dengan pekerja lapangan, penduduk tempatan atau Orang Asli yang biasa dengan kawasan tersebut.
- c. **Perangkap Kamera (Camera Trap)** – Kaedah ini melibatkan pemasangan peranti automatik yang mengesan pergerakan (*infrared motion sensor*) dan merakam gambar atau video hidupan liar yang melintas.

4. HASIL PEMANTAUAN

- a. Sepanjang rondaan dan pemantauan pelbagai jenis cerapan hidupan liar seperti kesan tapak kaki, najis dan cakaran berjaya direkodkan. Cerapan ini memberi petunjuk kepada kehadiran hidupan liar dan membantu pihak syarikat memahami keadaan semasa populasi hidupan liar kawasan konsesi ini. Jadual 1 menunjukkan cerapan yang dijumpai sepanjang rondaan dan pemantauan di DTC dan CFC

Jadual 1 : Cerapan yang dijumpai sepanjang rondaan dan pemantauan di DTC dan CFC

	Hutan Simpanan Kekal	Kesan Cerapan
1.	Besul	<ul style="list-style-type: none"> • Kulit ular • Tapak babi hutan • Tapak harimau kumbang • Tapak tapir
2.	Jengai	<ul style="list-style-type: none"> • Kubang babi hutan • Najis babi hutan • Tapak gajah • Tapak kijang
3.	Pasir Raja	<ul style="list-style-type: none"> • Cakaran beruang matahari • Tapak gajah • Najis gajah • Tapak babi hutan
4.	Cherul	<ul style="list-style-type: none"> • Tapak gajah • Tapak babi hutan • Cakaran beruang matahari • Tapak harimau kumbang



Tapak Tapir



Cakaran beruang matahari



Kulit ular sawa



Tapak harimau



Kubang babi hutan



Tapak babi hutan



Najis gajah



Tapak harimau belang

- b. Temubual dan survei penduduk dan pekerja dijalankan bagi mendapatkan maklumat mengenai kehadiran, taburan serta potensi konflik antara manusia dan haiwan liar berdasarkan pengalaman dan pemerhatian komuniti setempat. Jadual 2 menunjukkan hasil penemuan hidupan liar oleh penduduk dan pekerja di lapangan

Jadual 2 : Hasil penemuan hidupan liar oleh penduduk dan pekerja di lapangan

No	Spesies	Kekerapan dilaporkan	Lokasi dikesan	Catatan tambahan
1.	Babi hutan	5	Hutan Simpan Jengai Hutan Simpan Besul Hutan Simpan Cherul	<ul style="list-style-type: none">• Lintasan jalan balak• Kesan tapak• Kesan kubang
2.	Harimau belang	3	Hutan Simpan Cherul	<ul style="list-style-type: none">• Kesan tapak di tepi Sungai
3.	Kijang	6	Hutan Simpan Jengai Hutan Simpan Besul Hutan Simpan Cherul	<ul style="list-style-type: none">• Dilihat dari jauh

				<ul style="list-style-type: none"> • Biasa waktu pagi
4.	Gajah	5	Hutan Simpan Jengai Hutan Simpan Cherul	<ul style="list-style-type: none"> • Kesan Najis • Kesan tapak
5.	Beruang matahari	2	Hutan Simpan Jengai	<ul style="list-style-type: none"> • Kesan cakaran

- c. Jadual 3 menunjukkan senarai spesies hidupan liar beserta gambar-gambar yang diperolehi daripada perangkap kamera (*camera trap*) yang dipasang oleh Panthera Wild Cat Conservation Malaysia di dalam kawasan DTC

Jadual 3 : Hasil penemuan hidupan liar yang direkod oleh perangkap kamera (*camera trap*)

Hutan Simpan	Spesies Hidupan Liar
Besul	<ul style="list-style-type: none"> • Babi hutan • Beruang matahari • Burung kuang raya • Harimau dahan • Harimau kumbang • Kambing Gurun • Kancil • Kijang • Kucing tulap • Landak • Musang • Rusa • Tapir
Jengai	<ul style="list-style-type: none"> • Babi hutan • Beruang matahari • Harimau dahan • Rusa • Tapir
Pasir Raja	<ul style="list-style-type: none"> • Babi hutan • Harimau dahan • Kucing tulap • Rusa • Tapir



Harimau dahan



Kijang



Tapir



Kambing gurun



Harimau kumbang



Beruang matahari

5. LANGKAH MITIGASI DAN CADANGAN

No.	Langkah Mitigasi	Status Pelaksanaan
1.	Penubuhan zon penampakan 50 meter di sepanjang sungai	Telah dilaksanakan
2.	Had laju kenderaan <30 km/j dalam kawasan operasi	Dipatuhi
3.	Pemasangan perangkap kamera di DTC dan CFC	Telah dipasang oleh Panthera dalam kawasan DTC dan akan dipasang dalam kawasan CFC
4.	Pemantauan berterusan selepas operasi tamat	Dijalankan dari masa ke semasa

6. KESIMPULAN

Pemantauan hidupan liar yang dijalankan di kawasan konsesi pembalakan DTC dan CFC bagi tahun 2024 telah berjaya mengumpul maklumat penting berkaitan kehadiran, kepelbagaiannya dan taburan spesies hidupan liar. Melalui kaedah pemasangan perangkap kamera, survei penduduk dan cerapan langsung, beberapa spesies mamalia dan burung telah direkodkan, termasuk spesies yang dilindungi dan hampir terancam seperti Tapir, Harimau Belang, Gajah, Burung Kuang Raya dan sebagainya.

Data yang diperoleh menunjukkan bahawa kawasan konsesi masih mempunyai nilai kepelbagaiannya biologi yang tinggi serta menjadi laluan penting (*wildlife corridor*) kepada spesies tertentu. Wujud juga tanda-tanda potensi konflik antara manusia dan haiwan, terutamanya dalam kawasan berhampiran perkampungan atau kawasan operasi.

Secara keseluruhannya, hasil pemantauan ini membuktikan kepentingan pemuliharaan habitat dan pelaksanaan langkah mitigasi dalam aktiviti pembalakan agar kelestarian hidupan liar terus terpelihara. Laporan ini juga akan menjadi rujukan utama dalam menyokong pematuhan kepada piawaian pensijilan pengurusan hutan mampan seperti FSC.

Disediakan oleh,

W.NORAKMA BINTI W.YUSOFF
Eksekutif Kanan Pematuhan & Pensijilan

Tarikh : 6 Januari 2025

Disemak dan disahkan oleh,

AHMAD BAZLI BIN RAZALI
Timbalan Pengurus Besar

Tarikh : 6 Januari 2025